



26 Ogos 2011  
26 August 2011  
P.U. (A) 307

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SKIM BAGI SISA PEPEJAL ISI RUMAH DAN SISA PEPEJAL YANG SERUPA DENGAN SISA PEPEJAL ISI RUMAH) 2011

### *SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT (SCHEME FOR HOUSEHOLD SOLID WASTE AND SOLID WASTE SIMILAR TO HOUSEHOLD SOLID WASTE) REGULATIONS 2011*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007**

**PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM  
(SKIM BAGI SISA PEPEJAL ISI RUMAH DAN SISA PEPEJAL YANG SERUPA DENGAN SISA  
PEPEJAL ISI RUMAH) 2011**

---

**SUSUNAN PERATURAN**

---

**BAHAGIAN I**  
**PERMULAAN**

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**  
**PENYAMBUNGAN KE PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN**

3. Jenis sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah
4. Penyambungan ke perkhidmatan pemungutan
5. Pemberhentian penghunian premis
6. Jadual pemungutan
7. Tempat pemungutan

**BAHAGIAN III**  
**KEWAJIPAN PEMUNYA ATAU PENGHUNI PREMIS BERTANAH**

8. Pelupusan sisa baki jika bekas sisa individu disediakan
9. Pelupusan sisa baki jika bekas sisa individu tidak disediakan
10. Pelupusan sisa baki jika pemungutan tepi bebendul jalan tidak disediakan
11. Kerosakan pada bekas sisa individu
12. Penggantian atau pembalikan kebuk sisa atau kawasan penyimpanan sisa
13. Penggunaan bekas sisa individu yang tidak wajar
14. Sisa yang boleh dikitar semula

15. Sisa pukal
16. Sisa taman
17. Pelupusan di premis
18. Permintaan bagi perkhidmatan pemungutan di luar jadual pemungutan
19. Permintaan untuk meningkatkan kapasiti bekas sisa individu

#### BAHAGIAN IV

##### KEWAJIPAN BADAN PENGURUSAN HARTA BERSAMA

20. Kewajipan badan pengurusan harta bersama bagi tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah
21. Kewajipan badan pengurusan harta bersama
22. Kerosakan pada bekas sisa komunal
23. Penggunaan bekas sisa komunal yang tidak wajar

#### BAHAGIAN V

##### KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN

24. Kewajipan pemegang lesen bagi perkhidmatan pemungutan
25. Kewajipan pemegang lesen yang bertanggungjawab
26. Penghantaran ke kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan
27. Pengisian terlebih bagi sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah, dsb.
28. Tumpahan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah, bahan resap larut, dsb.

#### BAHAGIAN VI

##### KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI STESEN PEMINDAHAN

29. Kewajipan pemegang lesen bagi stesen pemindahan

BAHAGIAN VII

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN OLEH  
PENGANGKUTAN JAUH

30. Kewajipan pemegang lesen bagi perkhidmatan pengangkutan oleh pengangkutan jauh

BAHAGIAN VIII

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BAGI KEMUDAHAN PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN

31. Kewajipan pemegang lesen bagi kemudahan pengolahan dan pelupusan

BAHAGIAN IX

AM

32. Aduan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

## AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

### PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SKIM BAGI SISA PEPEJAL ISI RUMAH DAN SISA PEPEJAL YANG SERUPA DENGAN SISA PEPEJAL ISI RUMAH) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 108 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta 672*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

##### **Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Isi Rumah dan Sisa Pepejal Yang Serupa dengan Sisa Pepejal Isi Rumah) 2011.**  
  
(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2011.  
  
(3) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi perkhidmatan pemungutan bagi sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah di dalam kawasan perkhidmatan atau kawasan skim.

##### **Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“badan pengurusan harta bersama”, berhubungan dengan harta bersama mana-mana bangunan yang didirikan di atas tanah yang terkandung dalam pelan pecah bahagian strata yang diluluskan oleh pihak berkuasa berwibawa, termasuklah –